

23/07/1999

Media turut dianggap rakan kongsi LID 99

ANGGOTA media yang membuat liputan Dialog Antarabangsa Langkawi 99 (LID 99) akan berhadapan dengan keadaan luar kelaziman apabila mereka diminta menjawab soalan daripada ketua kerajaan yang biasanya menjadi sasaran mereka.

LID kali keempat pada 25 hingga 28 Julai ini akan mengemukakan pendekatan baru apabila media dianggap sebagai 'rakan kongsi' dialog, dan bukannya semata-mata membuat liputan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang sentiasa menjadi sasaran media ke mana saja beliau pergi, misalnya, dijangka mengemukakan soalan pada sesi dialog dengan media pada hari pertama LID 99, Ahad ini.

Pengerusi Kumpulan Industri-Kerajaan Untuk Teknologi Tinggi (Might), Tan Sri Omar Abdul Rahman, berkata beberapa tokoh media terkemuka tempatan dan luar negara dijemput untuk menghadiri sesi dialog bersama ketua negara dan ketua kerajaan di LID 99.

"Dr Mahathir mungkin mengemukakan soalan kepada pihak media, selepas beberapa kali LID diadakan, apakah pandangan mereka, bagaimana idea perkongsian pintar ini memberi manfaat dan apakah yang boleh dilakukan media untuk mempromosi konsep ini," katanya.

Dr Omar berkata demikian pada sidang akhbar mengenai persiapan LID 99 di Kuala Lumpur, semalam.

Soalan lain yang mungkin diutarakan ialah berkisar mengenai tema LID 99 iaitu Menguruskan Pemulihan Ekonomi Untuk Berkongsi Kemakmuran - Pendekatan Perkongsian Pintar.

Antaranya, kata beliau, ialah sama ada media berasaskan menerima maklumat mencukupi daripada pembuat dasar di negara masing-masing ketika melaporkan krisis kewangan Asia serta kriteria yang digunakan ketika memilih bahan yang dilaporkan ketika krisis.

Dr Omar berkata, sesi dengan media adalah satu daripada inisiatif baru LID 99. Inisiatif lain ialah mewujudkan perbincangan kumpulan teras sektor swasta dan dialog agenda khusus untuk wanita yang akan dihadiri isteri ketua kerajaan dan sektor korporat.

Beliau berkata, dalam LID sebelum ini hanya ketua kerajaan mengadakan perbincangan tertutup sesama mereka bagi membincangkan isu dan masalah kepentingan bersama.

"LID 99 akan mempertemukan peneraju sektor swasta dalam satu mesyuarat sarapan pagi yang akan dipengerusikan Menteri Kewangan Pertama, Tun Daim Zainuddin," katanya.

Setakat ini, Raja Swaziland, enam presiden serta seorang perdana menteri sudah mengesahkan menghadiri LID 99.

Kehadiran mereka bersama kira-kira 250 peserta dari peringkat naib presiden, menteri dan ahli perniagaan akan menjadikan LID kali ini antara perhimpunan terbesar swasta dan kerajaan sejak dialog itu diperkenalkan pada 1995.

Dr Omar berkata, Presiden Botswana, Mauritius, Namibia, Zimbabwe, Sudan dan Mozambique akan mengetuai delegasi negara masing-masing.

Ghana, Kepulauan Seychelles dan Afrika Selatan akan diwakili naib presiden manakala Lesoto dihadiri perdana menterinya dan Thailand oleh timbalan perdana menteri.

Idea mengadakan dialog antarabangsa untuk menjalin perkongsian pintar dikemukakan Dr Mahathir pada 1993. Dialog pertama diadakan pada 1995 dengan matlamat menggalak pakatan strategik, perkongsian sama-sama menang

dan falsafah Makmurkan Jiran Anda.
(END)